

# 'Bandar universiti' dibangunkan di Sintok tahun depan

JM 18 DEC 2003

ALOR STAR 17 Dis. — Sebuah 'bandar universiti' akan dibangunkan tahun depan di Sintok bagi melengkapkan kemudahan di kawasan kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) sekali gus sebagai pemangkin kepada pembangunan setempat.

Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Bashi memberitahu, bandar itu yang akan dimajukan oleh syarikat milik penuh UUM, Unitama Management Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB), akan dilengkapi 600 unit rumah, hotel 88 bilik, pasar raya, stesen teksi, arena baling dan stesen minyak.

Menurutnya, pembinaan bandar di kawasan seluas 62 hektar itu akan meletakkan UUM sebagai pusat pengajian terulung di negara ini yang mempunyai bandar universiti bagi kemudahan lebih 20,000 pelajar, kakitangan dan penduduk sekitar.

"Saya yakin Sintok yang dulunya terpencil dari masyarakat akan berubah wajah menjadi kawasan pertumbuhan baru di utara negeri Kedah dalam tempoh lima hingga 10 tahun lagi," katanya kepada pemberita semasa sidang akhbar mengenai sambutan UUM 20 tahun di sebuah hotel di sini hari ini.

Beliau juga memberitahu UMHSB dijangka mencatat keuntungan bersih RM1.3 juta daripada perolehan kira-kira RM13 juta tahun ini berbanding RM7 juta yang diperolehi tahun lepas.

UMHSB kini memiliki dua anak syarikat iaitu SerindIT.Com Sdn. Bhd. yang memasangkan komputer peribadi dan Unitama Travel and Tours Sdn. Bhd. (UTTSB)

yang mengendalikan perkhidmatan bas dalam kampus.

Beliau memberitahu, komputer SerindIT juga telah dipasar dan digunakan di luar negara iaitu di institusi pendidikan tinggi di Kemboja dan Myanmar.

"Setakat ini lebih 6,000 unit komputer peribadi telah dipasangkan dan dipasarkan di pelbagai jabatan kerajaan dan swasta dalam serta luar negara," ujarnya.

Dalam perkembangan lain beliau memberitahu, sejak konvokesyen pertama pada 1988, UUM telah pun mengeluarkan 33,725 orang graduan ijazah pertama dan lanjutan.

UUM kini mempunyai 21,181 pelajar termasuk 18,203 pelajar ijazah pertama dan 2,139 orang membuat ijazah lanjutan di samping 2,133 kakitangan, kata Dr. Ahmad Fawzi.

Beliau juga memberitahu, UUM juga telah diberi penghormatan oleh kerajaan untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr. Mahathir, iaitu sebuah institut yang akan menjadi pusat penyelidikan dan pengendalian seminar, persidangan dan kolokium mengenai pelbagai aspek Dr. Mahathir.

Mengenai sambutan 20 tahun UUM pada 17 Februari tahun depan, beliau memberitahu universiti akan mengadakan pelbagai aktiviti termasuk pameran UUM sepanjang 20 tahun, konvokesyen khas, konsert diraja, seminar, karnival sukan selain mengeluarkan beberapa penerbitan.

Kata beliau Sultan Kedah selaku Canselor UUM dijadual merasmikan sambutan tersebut.